# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 17 OKTOBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6. | PELUPUSAN BOT ASING BUKTI SALAHUDDIN KOMITED BANTU NELAYAN TEMPATAN, PERISTIWA, MINGGUAN AMANAH -16<br>PROGRAM MAKANAN PERCUMA DI SEKOLAH GUNA HASIL TANAMAN PADI, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -3<br>BEKALAN BENIH PADI BELUM SELESAI, NASIONAL, BH -68<br>EXCO PERTANIAN AKUI PENGURANGAN BAJET AGENSI BAWAH MOA, NASIONAL, HARAKAH -N3<br>BEKALAN BARANGAN SEMPENA DEEPAVALI MENCUKUPI, NASIONAL, BH -21<br>INCREASE THE IMPORT OF RAW SUGAR TO NARROW THE TRADE GAP BETWEEN MALAYSIA, INDIA, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 7. | BUBU-FISHING IN LABUAN, GO JOM!, NST -63 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 8.<br>9.<br>10. | USE PINEAPPLE ENZYME TO RAISE CHICKENS, NATION, CHINA PRESS -A10<br>LADANG INTEGRASI BANTU PEKEBUN, NASIONAL, SH -14<br>INDUSTRI NANAS DIJANGKA TERUS MENINGKAT, NASIONAL, SH -14 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17. | 18 TAHUN TUNGGU LESEN TANGKAP IKAN, NASIONAL, HARAKAH -N16<br>LESEN NELAYAN DIBEKU SEMENTARA, NASIONAL, HARAKAH -N16<br>LKIM REQUEST GUAN ENG TO INCREASE DIESEL SUBSIDY, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU -B4<br>FAIZ VISIT SEKINCHAN, UNDERSTANDING ISSUE OF INSUFFICIENT OF DIESEL SUBSIDY, NATION, KWONG WAH YIT POH -A12a<br>FISHERIES DEPARTMENT CHAIRMAN PROMISE TO HELP SEEKING HIGHER SUBSIDY IN DIESEL, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -13<br>FISHERIES DEPARTMENT CHIEF PROMOSIED TO HELP SEEKING INCREMENT IN DIESEL SUBSIDY, CENTRAL, CHINA PRESS -C7<br>FISHERIES DEPARTMENT OFFICERS VISIT TO FISHING VILLAGE TO UNDERSTAND FURTHER ABOUT SITUATION, SUPPLEMENT, GUANG MING DAILY -KB4 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 18. | BELANJAWAN 2020: NAFAS HARAP DAPAT LEBIH RM800 JUTA UNTUK INPUT PADI, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -13 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 19.<br>20.<br>21.<br>22.<br>23. | SARA HIDUP NELAYAN NAIK, RISALAH, SUARA KEADILAN -17<br>NELAYAN BERSYUKUR KERAJAAN MELAKA BINA TEMBOK HALANG OMBAK, NASIONAL, BH -69<br>11 PROJEK ATASI HAKISAN PANTAI DI SELANGOR SIAP, NASIONAL, BH -69<br>BAJET 2020 PINGGIRKAN PESAWAH, PENOREH, GETAH DAN NELAYAN, NASIONAL, HARAKAH -N8<br>POLISI TERBAIK UNTUK MELAYU, MUKA DEPAN, MINGGUAN AMANAH -1 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | MINGGUAN AMANAH | PERISTIWA | 16 |




*Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi (kanan) mengiringi Salahuddin menaiki helikopter yang akan mendarat di atas kapal APMM.*



# Pelupusan bot asing bukti Salahuddin komited bantu nelayan tempatan

**AKMAL MANAF**
**JABATAN PERIKANAN**

**PELUPUSAN** bot nelayan asing baru-baru ini jelas membuktikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salahuddin Ayub komited untuk membantu golongan nelayan di negara ini.

Salahuddin berkata, pihaknya sememangnya berhasrat membantu nelayan tempatan supaya mereka dapat menangkap hasil sumber laut tanpa sebarang gangguan daripada pihak luar (asing).

"Saya juga ingin memberi amaran kepada pemegang-pemegang lesen tempatan supaya jangan sesekali menjual lesen yang telah diberikan dan memberi keizinan kepada bot asing untuk menggunakan lesen kita.

"Kami akan pastikan pesalah diambil tindakan dan pihak kementerian tidak teragak-agak untuk mengheret mereka ke muka pengadilan seterusnya merampas lesen mereka. Ini adalah satu tindakan yang kami lakukan atas nama rakyat dan juga kedaulatan negara," tegasnya.

Mengulas mengenai program pelupusan bot, Salahuddin yang juga Timbalan Presiden AMANAH berkata, tindakan itu adalah mesej jelas kepada mana-mana negara bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dalam isu pencerobohan perairan negara.

Katanya, demi kepentingan nelayan tempatan dan sebagai rakyat yang berjuang mempertahankan kedaulatan negara serta sumber makanan iaitu ikan, pihaknya telah menenggelamkan lima bot nelayan asing yang didapati bersalah menceroboh perairan negara dengan menangkap sumber ikan secara haram.

"Selain itu, Kabinet juga telah memutuskan supaya Operasi Naga yang melibatkan (MOA), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Kementerian Pengangkutan (MOT) akan terus dijalankan demi mengawasi perairan negara.

"Saya juga akan mengambil tanggungjawab dengan memastikan segala kelemahan Akta Perikanan (yang perlu diperbaiki) akan dibuat dari semasa ke semasa," ujar Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai.

Hasil daripada rampasan yang dilakukan melalui Ops Naga, baru-baru ini, lima bot nelayan asing telah ditenggelamkan oleh pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) berhampiran perairan Pulau Kapas, Terengganu.

Turut hadir menyaksikan pelupusan bot nelayan asing itu adalah, Ketua Setiausaha MOA, Datuk Sallehhuddin Hassan; Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri, Dr Azman Ibrahim; Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi dan Ketua Pengarah LKIM, Jamaluddin Othman.

Difahamkan, Ops Naga yang dijalankan sejak April tahun ini telah berjaya menahan 128 vesel nelayan asing dengan nilai rampasan dianggarkan bernilai RM12 juta.

Melalui tindakan itu, kerajaan berharap dapat mengurangkan ketirisan bekalan ikan yang dianggarkan sebanyak RM6 bilion setahun akibat pencerobohan nelayan asing.



*Kerajaan tidak akan berkompromi dengan bot nelayan asing yang melanggar undang-undang negara.*





*Salah satu bot nelayan asing yang mengganggu sumber rezeki nelayan tempatan.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | MINGGUAN AMANAH | PERISTIWA | 17 |



Salahuddin ketika melakukan pemantauan udara sebelum mendarat di atas kapal APMM.



Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil (kiri) turut menyertai Program Pelupusan Vesel Asing, baru-baru ini.



Taklimat di dalam KM Pekan, kapal milik APMM.



Salahuddin akan terus melindungi golongan nelayan daripada diganggu pihak tidak bertanggungjawab.





Beberapa bot dari negara luar yang menceroboh perairan negara.



Salahuddin komited untuk membantu golongan nelayan di negara ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 3 |

Rombakan Dasar Pertanian Negara

# Program makanan percuma di sekolah guna hasil tanaman petani

*Oleh* **ARIF ATAN**

MENTERI Pertanian dan dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub telah menjemput pakar ekonomi, Prof Jomo Kwame Sundaram yang juga penasihat penyelidik di Institut Penyelidikan Khazanah mengenai rombakan Dasar Pertanian Negara.

Beliau berkata, pembentangan Prof Jomo di kementeriannya dapat membantu bagi menambahbaik perancangan dan perubahan polisi yang sedang kerajaan lakukan.

Dalam masa sama, Prof Jomo yang juga pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya juga membentangkan cadangan berkenaan penggunaan hasil tanaman petani sebagai bahan mentah dalam program makanan percuma di sekolah.

"Alhamdulillah, hari ini (7 Oktober lalu), beliau (Prof Jomo) hadir membentangkan cadangan Institut Penyelidikan Khazanah berkenaan Rancangan Sarapan Sekolah Malaysia.

"Rancangan ini bertujuan memastikan jaminan makanan serta memberikan pemakanan sihat dan seimbang kepada murid-murid sekolah.

"Saya dan pihak kementerian menyambut baik cadangan yang dikemukakan dan akan memberikan sokongan penuh bagi menjadikan ia suatu realiti," kata Salahuddin yang merupakan Timbalan Presiden AMANAH itu.

Terdahulu, Prof Jomo dilapor mencadangkan Putrajaya merombak Dasar Pertanian Negara bagi mengeluarkan golongan petani dan pesawah daripada kancah kemiskinan.



***Salahuddin dan Prof Jomo selepas perbincangan bagi membantu petani meningkatkan pendapatan.***

Menurutnya, petani dan pesawah masih menjadi golongan termiskin walaupun mendapat subsidi kerajaan kerana berpunca daripada dasar yang diwarisi sejak zaman penjajah.

Ujarnya, undang-undang Tanah Rizab Melayu yang mengehadkan penggunaan tanah seolah-olah konspirasi untuk mengikat pekebun kecil dan penanam padi untuk terus menanam padi bukannya tanaman lain.

Beliau menjelaskan subsidi input seperti baja dan sebagainya yang dibekalkan syarikat gergasi antarabangsa tidak memberi kesan walaupun penanaman padi disubsidikan lebih 60 peratus oleh kerajaan.

Sehubungan itu, Prof Jomo menyarankan kerajaan membantu petani meningkatkan pendapatan mereka dengan menggunakan hasil tanaman sebagai bahan mentah dalam program makanan percuma di sekolah.

Beliau turut berharap kerajaan boleh menggunakan hasil tanaman petani untuk Dasar Keselamatan Makanan Negara dan memperkenalkan program makan tengah hari di sekolah.

"Skim makanan percuma di sekolah dapat ubah pendapatan golongan petani, bekalan yang dikeluarkan petani, kita ambil termasuk hasil daripada penanam padi, bukannya mengutamakan syarikat makanan gergasi," tambahnya lagi.

Dalam masa sama, Prof Jomo menggesa Putrajaya menangani masalah antara kementerian yang tidak bekerjasama antara satu sama lain untuk menyelesaikan isu ekonomi negara.

Pada 26 Ogos lalu, Menteri Pendidikan, Maszlee Malik dilaporkan berkata, kerajaan akan menyediakan sarapan percuma kepada semua pelajar sekolah rendah di seluruh negara mulai Januari depan.

Jelasnya, program itu bertujuan memastikan pelajar dapat mengamalkan pemakanan seimbang dan kekal sihat serta cergas untuk membantu mereka memberi tumpuan dalam pelajaran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 68 |

# Bekalan benih padi belum selesai

## Pesawah Sungai Besar khuatir kerana tempoh tanam musim kedua patut bulan ini

Oleh Norrasyidah Arshad danMohd Shukor Amin
bhnews@bh.com.my



***Rahmat bersama Ketua blok E 11 Parit 6 Timur, Johari Unit (tengah)*** *menunjukkan petak sawah yang masih belum ditanam kerana ketiadaan benih di Sabak Bernam, semalam.* (Foto Mohd Shukor Amin/BH)

**Sabak Bernam:** Ketiadaan bekalan benih padi di Sungai Besar membabitkan kawasan penanaman seluas 6,022 hektar masih belum selesai sepenuhnya.

Berikutan itu, ia menimbulkan kebimbangan pesawah kerana tempoh penanaman padi bagi musim kedua sepatutnya bermula bulan ini belum terlaksana sepenuhnya.

Pada masa sama, petani juga berdepan harga benih padi tidak bersubsidi yang mahal, iaitu kira-kira RM53 setiap beg, yang dikatakan menjadi punca masalah itu kerana pesawah tidak mampu membelinya secara tunai.

Pesawah, Rahmat Basri, 52, berkata, ketiadaan subsidi kerajaan kepada pengilang menjadi faktor utama kenaikan harga benih padi, namun ada pesawah terpaksa membeli benih kerana masa penanaman yang semakin suntuk.

"Kepada pesawah yang kurang mampu, mereka terpaksa menunggu sehingga subsidi itu disediakan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan Sungai Besar," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Daerah Sabak Bernam, Aini Waznati Lasuan, berkata Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sudah membuat penyusunan semula kuota benih padi sah kepada tiga syarikat pengeluar benih yang ada lebihan benih padi, iaitu Kilang Beras Jelapang Selatan (KBJS); Syarikat Seri Merbok dan Syarikat Pertama Padi.

Beliau berkata, setiap syarikat itu sudah diarahkan melalui surat rasmi daripada kementerian untuk menyimpan benih padi bagi Selangor dan Perak kerana tempoh penanaman sedang berlangsung.

"Kementerian arahkan tiga syarikat untuk menyimpan benih untuk Selangor, iaitu sebanyak 500 tan di KBJS dan masing-masing 200 tan di Syarikat Seri Merbok serta Syarikat Pertama Padi," katanya ketika dihubungi.



***Ketika masalah ini timbul, kerajaan negeri sudah menggesa supaya kementerian dapat selesaikan perkara ini kerana kita tidak mahu pesawah terbeban.***

***Izham Hashim,*** *EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor*

***Kepada pesawah yang kurang mampu, mereka terpaksa menunggu sehingga subsidi itu disediakan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan Sungai Besar.***

***Rahmat Basri,*** *Pesawah*



***Kerja penanaman padi*** *sepatutnya bermula bulan ini.*

Aini berkata, keperluan benih padi untuk penanaman padi bagi musim kedua tahun ini mencukupi dan pesawah boleh mendapatkan bekalan benih padi pada harga benih bersubsidi, RM28 setiap beg di kilang terbabit.

"Memandangkan tiga syarikat pengeluar benih ini di luar Selangor, caj penghantaran akan dikenakan oleh syarikat.

"Saya dimaklumkan pengagihan bekalan benih padi sedang berjalan dan mengikut giliran tempahan serta penghantaran, memandangkan lokasi kilang berada di luar Selangor.

"Ada sesetengah petani yang membeli benih padi dari Kilang Haji Mohd Nor (HMN), tidak menikmati subsidi benih padi dan mereka memperolehi pada anggaran RM43 setiap beg," katanya.

Aini berkata, beliau mendapat makluman ada pesawah yang sudah menempah lebih awal benih padi dengan HMN, tapi benih yang dikeluarkan syarikat itu tidak lulus analisis makmal, menyebabkan petani terpaksa membelinya dengan harga tidak bersubsidi.

Sementara itu, EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Izham Hashim mendakwa isu ketiadaan benih padi yang ditanggung lebih 200 pesawah sekitar Sabak Bernam, sudah diselesaikan minggu lalu.

Katanya, isu berkenaan timbul pada peringkat pembekal, namun sudah diatasi oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Perkara ini bawah tanggungjawab kementerian, tetapi saya sudah lakukan semakan dan mendapati masalah ini sudah berjaya diselesaikan.

"Ketika masalah ini timbul, kerajaan negeri sudah menggesa supaya kementerian dapat menyelesaikan perkara ini kerana kita tidak mahu pesawah terbeban dengan masalah ini," katanya ketika dihubungi di Shah Alam semalam.


TAMAN DELIMA II
JALAN DELIMA 7 DAN 13, TAMAN DELIMA II, MUKIM KLUANG, JOHOR

| JENIS BANGUNAN | KELUASAN TANAH K/P | HARGA AWAM SEUNIT (RM) HARGA MINIMUM RM | HARGA MAKSIMUM RM | BILANGAN UNIT |
|---|---|---|---|---|
| Rumah Teres 2 Tingkat | 1650x3038 | 516,000.00 | 677,040.00 | 30 |
| Rumah Berkembar 2 Tingkat | 3600 | 838,000.00 | 998,000.00 | 6 |

BUMIPUTERA BOLEH DAPAT 15% DISKAUN UNTUK LOT BUMIPUTERA

No. Lesen Pemaju : 11687-2/02-2020/0172 (L)
Tempoh Sah Lesen Pemaju : 15/02/2018-14/02/2020
No. Permit Iklan & Jualan : 11687-2/02-2020/0172 (P)
Tempoh Permit Iklan & Jualan : 15/02/2018-14/02/2020
Tarikh Dijangka Siap : Ogos 2019
Pegangan Tanah : Bebas
Bebanan Tanah : Public Bank Berhad
Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Kluang
No.Fail MPK : MPK/599/300/6/2/2017

PEMAJU:
... DEVELOPMENT (KLUANG) SDN.BHD.
Tel: 07-7771836 Faks: 07-7771835

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | HARAKAH | NASIONAL | N3 |

Belanjawan 2020

# Exco Pertanian akui pengurangan bajet agensi bawah MOA

Oleh KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

**KUALA TERENGGANU:** Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim mengakui berlaku pengurangan bajet bagi beberapa jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Sepatutnya, kata beliau, peruntukan bagi sektor pertanian itu perlu ditambah atau dikekalkan bajetnya berdasarkan keperluan peningkatan bilangan rakyat di negara ini.

"Saya dapati, peruntukan Industri Padi dan Beras dikurangkan daripada RM69.2 juta tahun ini (2019) kepada RM66.1 juta untuk tahun 2020.



Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim, akui berlaku pengurangan bajet bawah agensi MOA.

"Manakala, peruntukan Jabatan Pertanian berkurangan daripada RM194.1 juta kepada RM180 juta. Kita juga dapati peruntukan untuk Jabatan Perikanan dalam Bajet 2019 lalu sebanyak RM178.5 juta telah berkurangan kepada RM177 juta sahaja," ujarnya kepada *Harakah*, hari ini.

Menurutnya, dalam Belanjawan 2020 ini juga terdapat Sembilan sector lain di bawah kementerian itu berlaku pengurangan bajet.

"Peruntukan Lembaga Kemajuan ikan Malaysia (LKIM) juga mengalami pengurangan daripada RM156 juta kepada RM143 juta. Peruntukan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) juga berkurangan daripada RM215 juta kepada RM212 juta.

"Peruntukan Industri Agromakanan dan Keusahaanan Tani juga dikurangkan daripada RM262 juta kepada RM244 juta. Manakala, peruntukan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian dan Pertanian Persekutuan (FAMA) juga menurun daripada RM182 juta kepada RM171 juta," jelasnya.

Selain itu, katanya peruntukan kepada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) juga berkurangan daripada RM31.8 juta kepada RM31.4 juta.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jabi mendakwa, berlaku pengurangan ketara bagi peruntukan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) daripada RM190 juta kepada RM164 juta.

Hal itu, katanya termasuklah penurunan jumlah bagi peruntukan kepada Latihan Kemahiran Pertanian daripada RM47.9 juta kepada RM41 juta sahaja.

"Turut mengalami penurunan iaitu peruntukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar daripada RM150.6 juta kepada RM142 juga. Begitu juga dengan peruntukan Pengairan dan Saliran Pertanian juga turun daripada RM11.5 juta kepada RM11.4 juta.

"Peruntukan Bekalan Makanan Negara telah dikurangkan daripada RM1.393 bilion kepada RM1.314 bilion itu sebenarnya tidak bertepatan dengan pertambahan jumlah penduduk di Malaysia," tegasnya.

Menurutnya, setiap tahun bilangan rakyat makin bertambah dan ini bermakna jumlah mulut yang perlu 'disuap' makanan juga bertambah.

"MOA ialah 'Kementerian Makanan Negara'. Kami dalam keluarga besar pertanian bekja demi memastikan bekalan makanan negara mencukupi dengan jumlah rakyat.

"Rasionalnya, jumlah peruntukan kepada sektor pertanian perlu ditambah dan bukannya dikurangkan. Paling tidak pun dapat dikekalkan seperti bajet sebelum ini," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |

# Bekalan barangan sempena Deepavali mencukupi

**Kuantan:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan barangan bagi sambutan Deepavali kira-kira dua minggu lagi mencukupi dan dapat memenuhi keperluan pengguna.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata jaminan itu dapat diberikan selepas pihaknya mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta pihak pengeluar, pengimport dan pembekal di seluruh negara.

"Tidak ada masalah (bekalan) kerana pegawai kita sudah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Kementerian Pertanian (dan Industri Asas Tani) sebelum ini.

"Apabila kita sudah pasti semua (bekalan) mencukupi, baru kita boleh lancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bagi memudahkan rakyat mendapatkan bekalan barangan diperlukan untuk menyambut Deepavali," katanya selepas merasmikan Pelaksanaan SHMMP Deepavali 2019, di sini, semalam.

Pelaksanaan SHMMP Deepavali 2019 bermula Sabtu ini, dengan tiga barangan baharu disenaraikan menjadikan 19 barangan, berbanding 16 barangan sebelum ini.

Saifuddin Nasution berkata, tiga barangan itu ialah cili kering, kubis bulat import dari Indonesia dan China serta bendi.

> *Tidak ada masalah (bekalan) kerana pegawai kita sudah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Kementerian Pertanian (dan Industri Asas Tani) sebelum ini.*
>
> ***Saifuddin Nasution Ismail,***
> *Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

"Tempoh SHMMP kali ini selama 14 hari berbanding 10 hari pada tahun lalu. Ia bermula 19 Oktober atau tujuh hari sebelum perayaan dan berakhir 1 November, pelaksanaan skim ini mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Antara senarai harga yang sudah tetapkan ialah ayam hidup dijual pada harga RM5.30 setiap kilogram (kg) untuk borong, manakala harga runcit pula RM5.80/kg; ayam standard RM6.60/kg (borong) dan RM7.30/kg (runcit); daging kambing tempatan bertulang RM44.00/kg (borong) dan RM47.00/kg (runcit); daging kambing dan bebiri import bertulang RM20/kg (borong) dan RM25.00/kg (runcit).

"Semua senarai harga ini dapat diakses orang ramai melalui laman sesawang KPDNHEP dan pengguna yang mempunyai pertanyaan atau aduan boleh berbuat demikian dengan melayari portal e-aduan kami atau menghubungi pusat panggilan Kerajaan Malaysia (MYGCC) di talian 03-8000 8000," katanya.

Beliau turut memaklumkan pemantauan harga sepanjang pelaksanaan SHMMP Deepavali akan dilakukan secara bersama dengan pegawai pemantau harga dilantik KPDNHEP, kerajaan negeri dan agensi kerajaan berkaitan, selain pembabitan pemimpin masyarakat setempat.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Increase the import of raw sugar to narrow the trade gap between Malaysia, India | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 17 Oct 2019 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 166 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,258 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,773 |



# 增原糖进口 拉近马印贸差

**(布城16日讯)** 原产业部长郭素沁说，马来西亚将会开拓机会，以便在2020年提高印度原糖的进口，以拉近马印两国的贸易差距。

她说，本地公司也受促进口更多印度产品，以便从马印综合经济合作协议（MICECA）上受惠。再者，随着本地市场对印度水牛肉的需求增加，大马也将会研究是否会提高印度水牛肉的进口。

她昨天主持跨部门会议后，发文告这么说。这项会议是针对她今年8月初官访印度后，再召集国际贸易及工业部、外交部、国内贸易及消费人事务部、农业及农基工业部等高级官员，以商议如何提高马印两国的双边贸易。

她说，印度在2018年为我国棕油及棕油产品第三大出口市场，出口总值68亿4000万令吉，也占总棕油及棕油产品出口量的10.1%。

“这显示印度市场对大马的重要性。”

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/10/2019 | NST | GO JOM! | 63 |

# Bubu-fishing in Labuan

**Shahrul M Zain** experiences catching fish with bamboo traps



A bubu is hauled up onto the boat to reveal its catch.

PICTURES BY SHAHRUL M ZAIN

THE boat's bright red rim gives the definitive shape of our fishing boat that without it, the vista in front of me will be a wash of blue and grey.

Nature paints a peaceful picture for us as our boat speeds out to the open sea. The sea is quite calm, letting small waves hit our boat while above us, there is just a small opening of clouds, exposing bright sky.

It is 7am when we leave Kampung Pohon Batu in Labuan and now we're heading to a spot where Asiran Jamal, the boat owner, submerged a bubu (bamboo trap) the day before.

Using only a hand-held GPS device, we reach our destination 20 minutes later.

Armed with diving equipment and a rope in hand, one of Asiran's crew dives into the sea but only for a few minutes before he climbs back into the boat.

The other members then pull the rope line that is tied the bubu and attach it to an electric winch to pull the fish trap into the boat.

When the full bubu is opened, grouper, bream, mackerel, spade fish, bat fish and tuna slide out and flop onto the boat floor.

The process from the moment a crew dived in until the trap is emptied takes 90 minutes to complete, before we make our way back to the shore.



A crew, who is a qualified diver, gets ready to jump into the water.

At the shore, the boat is pushed to a trailer which is then towed to land with a four-wheel-drive.

I stay on the boat, staring excitedly at the day's catch which includes an XL-sized lobster, while the boat is towed to an awaiting crowd at a market in Kampung Lubok Temiang.

I'm quite flabbergasted with the chaotic scene at the market. The crowd races to get the best catch while stall owners outdo each other to attract customers.

Asiran, his wife and other workers give extra service to customers by cutting and cleaning the fish for them.

Within 30 minutes, everything on his table is all gone. But the good news is that my lobster is put aside for our dinner.



The scenic setting of Kampung Pohon Batu.



Asiran's boat is towed by a four-wheel-drive to a fish market at Kampung Lubok Temiang.




The catch of the day — an XL-sized lobster.



The locals don't waste any time to get the best of the day's catch.

This valuable experience with Asiran and his crew and family is organised by Fisheries Development Authority of Malaysia. The Labuan director Pada Anak Bijo welcomed us that morning at Kampung Pohon Batu.

shahrulzaman@mediaprima.com.my

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Use pineapple enzyme to raise chickens | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 17 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A10 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 702 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 13,847 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 41,542 |





■笨珍AQINA农场的黄梨种植场



■业者使用黄梨酵素作为鸡只饲料，养出「黄梨鸡」。

## 笨珍業者大膽創新

# 用黃梨酵素養雞



■MD2黄梨苗

（笨珍16日讯）黄梨不仅可加工为罐头等产品，也有业者大胆使用黄梨酵素（bromelain）作为鸡只饲料，打造为大马的"黄梨鸡"。

位于笨珍的AQINA农场业者，不但提供MD2黄梨苗给海内外国土栽种黄梨，甚至大胆重新使用黄梨酵素来饲养鸡只，以降低鸡肉脂肪和提高滑嫩度，成为市场上具有高价值的鸡只。

该公司国际业务总经理慕哈末吉蔡昨日向马新社说，该公司从去年用10万令吉，来进行创新。

他说，该公司本身就有黄梨种植场，所以有这样的想法。

他透露，他们和彭亨大学研究，创造了这项成果，且自去年将鸡只供应给本地知名霸市。

他说，目前该鸡只一周的销量从25吨增加到35吨，一周营业额达到35万令吉。

他透露，基于需求旺盛，该公司现在的目标是将黄梨鸡产品销往西亚，这是该公司的第一个海外出口市场。

另外，农业及农基部副部长沈志勤说，黄梨酵素也可用于消化蛋白质，并且已在医学中使用。

他说，黄梨酵素被用作烹饪肉类的"柔软剂"，并且在某些国家使用。

"黄梨鸡脂肪少，质地柔软而致密，据说鸡肉所产生的排泄物较少无味，然后又可作为黄梨肥料。"

他认为，黄梨产业有望以每年5%的年增长率增长。

他强调，这样的创新很重要，因为它们可以促进农业部门的增长，并给企业家带来公平的回报。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/10/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 14 |

# Ladang integrasi bantu pekebun



Tze Tzin (tengah) melawat Ladang Nanas Aqina Plantation Sdn Bhd di Kampung Sungai Sam, Pontian kelmarin.

***Berubah ke arah tanaman baharu yang lebih lumayan***

**SHAFIQ TINO**

**PONTIAN**

Pembangunan ladang integrasi akan menjadi inisiatif pemerkasaan baharu kerajaan bagi membantu petani dan peladang kecil di negeri ini berubah ke arah tanaman baharu yang lebih lumayan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, usaha itu juga dilihat sebagai langkah terbaik yang boleh diambil untuk membantu pengusaha yang masih bergantung sepenuhnya kepada tanaman komoditi.

Menurutnya, terdapat lapan juta hektar tanah pertanian di seluruh negara tetapi hanya dua juta hektar yang digunakan sebagai tanaman lain daripada sumber komoditi.

"Lebih kurang 75 peratus daripada tanah pertanian kita adalah daripada kelapa sawit, jadi apabila ada masalah harga komoditi turun, ia memberi kesan kepada pekebun.



Produk ayam kampung merupakan inovasi hiliran nanas di Ladang Nanas Aqina.

"Jadi kita rasa jika pengusaha ini boleh bangunkan ladang integrasi, mereka masih tanam kelapa sawit tapi peruntukkan sedikit ruang untuk nanas, kelapa atau tanaman lain ia boleh membuka peluang untuk memperoleh hasil lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas melawat Ladang Nanas Aqina Plantation Sdn Bhd di Kampung Sungai Sam di sini kelmarin.

Tze Tzin berkata, kementeriannya juga sedang dalam perbincangan bersama Menteri Industri Utama, Teresa Kok berhubung bantuan boleh diberikan kepada pekebun yang mahu menjalankan program ladang integrasi.

Katanya, secara asasnya kedua-dua pihak juga telah bersetuju untuk membantu satu sama lain dengan memberikan khidmat teknikal kepada pekebun yang berminat.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, antara tanaman dicadangkan program ladang integrasi itu adalah nanas MD2 yang kini mendapat permintaan tinggi oleh negara luar terutama dari China.

"Sekarang ini kita tidak cukup sumber dan kita hanya boleh eksport 10 ke 20 kontena sahaja, di mana satu kontena mengandungi sebanyak 18 tan nanas.

"Untuk pasaran di China, mereka memerlukan sekurang-kurangnya 100 kontena sebulan. Ini adalah sumber kekayaan baharu yang tidak perlu dipersiakan," katanya.

## Industri nanas dijangka terus meningkat

**PONTIAN** - Industri nanas negara dijangka akan berkembang dengan unjuran kadar pertumbuhan sebanyak lima peratus setahun jika dilihat berdasarkan trend penanaman dan penerimaan masyarakat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, pertumbuhan itu juga menyaksikan peningkatan hasil tanaman nanas kepada RM530 juta berbanding RM502 juta yang diperoleh tahun lalu.

Menurutnya, nilai pengeluaran nanas negara pada tahun ini dijangka mengalami pertumbuhan positif selaras dengan permintaan domestik dan luar negara.

"Malaysia berjaya menembusi pasaran 20 negara dunia dengan nilai eksport sebanyak RM342 juta dan antara negara yang menjadi pengimport produk nanas Malaysia ialah China, Jepun, Korea, Singapura, negara-negara timur tengah serta beberapa negara Eropah," katanya di sini kelmarin.

Beliau berkata, bagi menambah usaha itu ke arah yang lebih progresif, kerajaan juga akan memberi tumpuan untuk menambah lebih banyak ladang penanaman nanas di seluruh negara.

Katanya, ia juga berikutan keluasan tanaman sedia ada belum mencukupi untuk memenuhi permintaan luar negara terutama nanas dari jenis MD2.

"Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan meneruskan program perluasan tanaman nanas bagi membantu memberi peluang kepada pengusaha dan pekebun kecil seluruh negara," katanya.

Mengulas lanjut mengenai lawatannya, Tze Tzin berkata, pihaknya begitu teruja kerana syarikat tempatan itu berjaya menghasilkan pelbagai produk hiliran nanas yang berkualiti.

"Apa yang mengujakan saya adalah inovasi dihasilkan Syarikat Aqina yang mempelbagaikan produk hiliran nanas MD2 mereka dengan menghasilkan makanan ternakan ayam menggunakan ekstrak enzim bromelin.

"Enzim bromelin ini banyak terdapat dalam buah nanas. Ia juga berperanan dalam mencernakan protein dan telah digunakan dalam bidang perubatan," katanya.




Tze Tzin (dua dari kiri) diberikan taklimat berkaitan nanas MD2 di Ladang Nanas Aqina Plantation Sdn Bhd ketika lawatannya kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | HARAKAH | NASIONAL | N16 |

# 18 tahun tunggu lesen tangkap ikan

Oleh
**NOOR SARA MASHITOH**

**KUALA PERLIS:** Hampir 200 nelayan di sini bergelut dengan kesukaran mencari rezeki apabila permohonan mereka mendapatkan lesen tidak menjadi kenyataan sehingga sekarang.

Malah ada yang memohon lesen sejak 18 tahun lepas namun tidak mendapat kelulusan sehingga sekarang.

Seorang nelayan dari Kampung Kurung Tengar Alias Harun, 57 berkata, beliau memohon lesen nelayan pantai sejak tahun 2000 namun masih gagal sehingga sekarang.

Katanya, masalah itu membelenggu ramai nelayan di kampung terbabit biarpun sudah lama diajukan lesen kepada agensi berkaitan.

"Apabila kami keluar ke laut bagi mencari rezeki, pihak Maritim akan tangkap kerana tiada lesen menangkap ikan.

"Bagaimana cara lagi untuk kami mendapatkan lesen, dah banyak kali kami mohon tetapi belum lagi dapat. Saya juga sudah dua kali menghantar permohonan.

"Apabila tiada lesen hendak meminta bantuan perahu dengan kerajaan pun tidak boleh. Sebelum ini saya cuba mohon mendapat bantuan perahu tetapi tidak dilayan," katanya di sini.

Oleh itu beliau meminta jasa baik pihak atasan supaya membantu mempercepatkan pengeluaran lesen kepada nelayan pantai.

Menurutnya juga tanpa lesen risiko ketika mencari rezeki di lautan berdepan dengan pelbagai kemungkinan.

Seorang lagi nelayan Alias Harun berkata, beliau juga telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen sejak 2000 namun sehingga sekarang masih tiada sebarang jawapan.

Katanya, beliau sudah naik muak untuk memohon lagi lesen kerana banyak karenah birokasi yang berlaku.

Pesara tentera Ramlan Yusuf, 47 pula berkata, beliau mulai berkecimpung sebagai nelayan kerana minat selepas tamat berkhidmat sebagai anggota tentera.

Katanya, ketika memohon lesen menangkap ikan beliau mengikut syarat-syarat ditetapkan pihak berkuasa.

Menurut beliau sudah tiga tahun permohonan dihantar namun tiada jawapan sehingga sekarang.

"Mahu atau tidak mahu kami terpaksa keluar juga mencari rezeki, anak-anak masih bersekolah.

"Ini bukti saya mohon lesen, temuduga diadakan pada 28 September 2017 tetapi tiada sebarang jawapan. Saya juga menyertai persatuan nelayan seperti disyaratkan.

"Apa lagi yang mereka hendak, saya pun tak tahu lagi...," katanya dengan nada begitu kecewa.

Shukri Said, 51 turut mempersoalkan tindakan pihak berwajib yang menjadikan golongan nelayan seperti pelarian di negara sendiri.

"Saya mewakili nelayan-nelayan di sini mempersoalkan mengenai masalah pengeluaran lesen yang menjadi isu tidak selesai.

"Kebanyakan nelayan di sini sudah banyak kali memohon, tapi tiada maklum balas atau sebarang jawapan. Kami terpaksa juga keluar mencari rezeki.

"Kami seperti pelarian di negara sendiri, kalau kena tangkap nanti bot-bot dan peralatan akan disita." katanya.

Beliau juga berkata, pelbagai peraturan dan syarat ditetapkan pihak berkenaan dipatuhi, namun masih gagal mendapat lesen sehingga sekarang.



Nelayan menunjukkan borang permohonan mendapatkan lesen.



Alias Harun



Ramlan Yusuf



Shukri Said

# Lesen nelayan dibeku sementara

**KUALA PERLIS:** Adun Kuala Perlis memberitahu pengeluaran lesen nelayan dibekukan meliputi kawasan Zon A, B dan C kecuali Zon C-2 iaitu laut dalam.

Azam Karap berkata, pembekuan pengeluaran lesen bagi memastikan setiap permohonan lesen baharu diberikan kepada mereka yang benar-benar layak.

Katanya, sehingga sekarang beliau menerima banyak rungutan daripada nelayan tempatan.

"Jumlah ikan di laut kita berkurangan, jadi kita hendak jaga populasi ikan menyebabkan kerajaan bekukan sementara lesen.

"Ini yang saya dimaklumkan menteri dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sebelum ini," katanya di sini.

Oleh itu beliau meminta nelayan bersabar sehingga dimaklumkan perkembangan baharu terhadap pembekuan tersebut.



Azam Karap

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | LKIM request Guan Eng to increase diesel subsidy | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 17 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | KL/Selangor | Circulation | 27,667 |
| Page No | B4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 420 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,283 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,849 |





谢添僖（左二起）与黄瑞林在对话会向官员反映补贴柴油不足的问题，莫哈末法依（左四起）和诺拉兹安则记录在案，左为谢耀亮。

# 渔业发展局允会财长 要求增海口补贴柴油

（适耕庄16日讯）大马渔业发展局主席莫哈末法依亲自到访适耕庄，视察海口渔村码头建设和了解补贴柴油不足的严重程度，并承诺尽快与财政部长林冠英会面，要求提高当地补贴柴油的数量。

补贴柴油不足的问题困扰海口渔村多年，原因包括现有渔船数量和渔业发展局的记录不符，以致许多渔船在无法添满油的情况出海，被迫缩短作业时间，鱼获也受影响。

在马来西亚渔业总会主席谢添僖多次反映渔民苦况不果后，于上月杪展开和平请愿。为此，莫哈末法依日前率领渔业发展局官员，巡视海口渔村的基本建设与展开对话会。

出席者包括雪州渔业发展局局长诺拉兹安和海口渔村村长谢耀亮。

## 缺拨款问题关键

莫哈末法依坦言，缺乏拨款是问题迟迟无法解决的关键，但也会持续向财政部争取更多拨款。

他表示，随着越来越多人投身捕鱼业，多年不变的补贴费用已严重不敷，也成为全国各渔港的头痛问题。

"海口渔村拿到的2万1100公升补贴柴油，已是全国各区最高，这有赖适耕庄州议员黄瑞林多年的争取，但大量渔民蜂拥到适耕庄捕鱼，以致渔船数量激增，还是不足。"

他强调，前朝政府糟糕的财务规划，以致国库严重空虚，忙着收拾残局的林冠英已尽力而为，包括并未削减渔业发展局管理的津贴柴油数量。

"渔业发展局没有增加拨款的权力，只能极力向财政部争取，目前我们还在调整全国各区的补贴柴油配额，尽量把各区多出的配额，转移到渔船数量大增的地区，希望渔民给我们多一点时间。"

黄瑞林感谢莫哈末法依亲自聆听渔民的不满，也承诺会一起向农业部和财政部，反映存在多年问题的严重性。

"另外，海口渔村的渔船阻塞问题也日渐严重，现有的船位和码头已无法负荷，常常发生渔船碰撞事故，渔民也划定新码头地点和草拟计划草图，但与各部门讨论后，兴建成本太高是最大难题，希望渔业发展局能研究可行方案。"

Powered by: isentia



| Headline | Faiz visit Sekinchan, understanding issue of insufficient of diesel subsidy | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 17 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A12a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 205 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,298 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,894 |



谢添僖（左2起）与黄瑞林在对话会上，向官员反映津贴柴油不足的问题，莫哈末法依（左4起）和雪州渔业发展局总监诺拉兹安则记录在案，左为海口渔村村长谢耀亮。

# 法依亲访适耕庄视察
# 了解津贴柴油不足问题

（适耕庄16日讯）大马渔业发展局主席莫哈末法依亲自到访适耕庄，视察海口渔村码头建设，与了解津贴柴油不足的严重程度，并承诺尽快与财政部长林冠英会面，要求提高当地津贴柴油数量。

津贴柴油不足的问题困扰海口渔村多年，原因包括现有渔船数量，和渔业发展局的记录不符，以致许多渔船在无法添满油的情况下出海，被迫缩短作业时间，并在马来西亚渔业总会主席谢添僖多次反映不果后，于上月杪展开和平请愿。

为此莫哈末法依日前率领渔业发展局官员，巡视海口渔村的基本建设与展开对话会，并坦言缺乏拨款是问题迟迟无法解决的关键，但也会持续向财政部争取更多拨款。

他表示，津贴柴油是政府鼓励人民加入捕鱼业，确保我国海产市场不必过渡依赖进口产品的用心，随着越来越多人投身捕鱼业，多年不变的津贴费用已严重不敷，也成为全国各渔港的头痛问题。

"实际上，海口渔村拿到的2万1100公升津贴柴油，已经是全国各区最高，这有赖适耕庄州议员黄瑞林多年的争取，但大量渔民蜂拥到适耕庄捕鱼，以致渔船数量激增的情况下，还是不足。"

他强调，前朝政府糟糕的财务规划，以致国库严重空虚，忙着收拾残局的林冠英已尽力而为，包括并未削减渔业发展局管理的津贴柴油数量。

"渔业发展局没有增加拨款的权力，只能极力向财政部争取，目前我们还在调整全国各区的津贴柴油配额，尽量把各区多出的配额，转移到渔船数量大增的地区，希望渔民给我们多一点时间，我会尽快完成。"

黄瑞林则在对话会上感谢莫哈末法依亲自聆听渔民的不满，也承诺会一起向农业部和财政部，反映存在多年问题的严重性。

"另外，海口渔村的渔船阻塞问题也日渐严重，现有的船位和码头已无法负荷，常常发生渔船碰撞事故，渔民也划定新码头地点和草拟计划草图，但与各部门讨论后，兴建成本太高是最大难题，希望渔业发展局能研究可行方案。"#

Powered by: isentia

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Headline | Fisheries Department chairman promise to help seeking higher subsidy in diesel | | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | | |
| Date | 17 Oct 2019 | Color | Full Color | |
| Section | Metro Edition A | Circulation | 288,920 | |
| Page No | 13 | Readership | 866,760 | |
| Language | Chinese | ArticleSize | 323 cm² | |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,729 | |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 29,187 | |



## 漁業發展局主席視察海口漁村

# 允助爭取提高津貼柴油

（适耕庄16日讯）大马渔业发展局主席莫哈末法依亲自到访适耕庄，视察海口渔村码头建设，与了解津贴柴油不足的严重程度，并承诺尽快与财政部长林冠英会面，要求提高当地津贴柴油数量。

津贴柴油不足问题困扰海口渔村多年，原因包括现有渔船数量和渔业发展局的记录不符，以致许多渔船在无法添满油的情况下出海，被迫缩短作业时间。

马来西亚渔业总会主席谢添僖多次反映此事不果，于上月杪展开和平请愿。

为此莫哈末法依日前率领渔业发展局官员，巡视海口渔村的基本建设与展开对话会，并坦言缺乏拨款是问题迟迟无法解决的关键，但也会持续向财政部争取更多拨款。

### 渔船激增 柴油津贴不敷

他表示，柴油津贴是政府鼓励人民加入捕鱼业，确保我国海产市场不必过渡依赖进口产品；但随着越来越多人投身捕鱼业，多年不变的津贴费用已严重不敷，也成为全国各渔港的头痛问题。

"实际上，海口渔村拿到的2万1100公升津贴柴油，已经是全国各区最高，这有赖适耕庄区州议员黄瑞林多年的争取，但大量渔民蜂拥到适耕庄捕鱼，以致渔船数量激增的情况下，还是不足。"



谢添僖（左二起）和黄瑞林在对话会上，向官员反映津贴柴油不足问题。左者为海口渔村村长谢耀亮；左四起莫哈末法依和雪州渔业发展局总监诺拉兹安。



黄瑞林（左起）与大马渔业发展局官员视察海口渔村的码头。

### 將調整全國津貼柴油配額

莫哈末法依强调，前朝政府糟糕的财务规划，以致国库严重空虚，忙着收拾残局的林冠英已尽力而为，包括并未削减渔业发展局管理的津贴柴油数量。

"渔业发展局没有增加拨款的权力，只能极力向财政部争取，目前我们还在调整全国各区的津贴柴油配额，尽量把各区多出的配额，转移到渔船数量大增的地区，希望渔民给我们多一点时间，我会尽快完成。"

### 黃瑞林：碼頭"塞船"趨嚴重

同时，黄瑞林在对话会上感谢莫哈末法依亲自聆听渔民的不满，也承诺会一起向农业部和财政部反映存在多年问题的严重性。

"另外，海口渔村的渔船堵塞问题也日渐严重，现有的船位和码头已无法负荷，常常发生渔船碰撞事故，渔民也划定新码头地点和草拟计划草图，但与各部门讨论后，兴建成本太高是最大难题，希望渔业发展局能研究可行方案。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fisheries Department Chief promised to help seeking increment in diesel subsidy | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 17 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Central | Circulation | 127,822 |
| Page No | C7 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 805 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,879 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 47,637 |



大城事

## 漁業發展局主席訪適耕莊

# 承諾助爭取增津貼柴油

### 成為頭痛問題



■谢添信（左2起）与黄瑞林在对话会上，向官员反映津贴柴油不足的问题。莫哈末法依（左4起）和雪州渔业发展局总监诺拉兹安则记录在案，左为海口渔村村长谢耀亮



■黄瑞林（左起）与大马渔业发展局官员视察海口渔村的码头

## 黃瑞林：將助反映漁民心聲

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fisheries Department officers visit to fishing village to understand further about situation | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 17 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 49,712 |
| Page No | KB4 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 437 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,581 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,743 |



# 瞭解碼頭建設津貼柴油不敷

# 漁業局官員訪海口漁村

（适耕庄16日讯）津贴柴油不足问题困扰海口渔村多年，马来西亚渔业总会主席谢添僖多次反映此事不果，于上月杪展开和平请愿。对此，大马渔业发展局主席莫哈末法依亲自率领渔业发展局官员到访适耕庄，视察海口渔村码头建设，与了解津贴柴油不足的严重程度，并承诺尽快与财政部长林冠英会面，要求提高当地津贴柴油数量。



■海口渔村村长谢耀亮（左起）谢添僖和黄瑞林在对话会上，向官员莫哈末法依（左四起）和雪州渔业发展局总监诺拉兹安反映津贴柴油不足问题。



■黄瑞林（左起）陪同大马渔业发展局官员视察海口渔村的码头后，有关代表承诺尽快与财政部长林冠英会面，要求提高当地津贴柴油数量。

莫哈末法依日前巡视海口渔村的基本建设与渔民展开对话会时说，津贴柴油是政府鼓励人民加入捕鱼业，确保我国海产市场不必过渡依赖进口产品；但随着越来越多人投身捕鱼业，多年不变的津贴费用已严重不敷，也成为全国各渔港的头痛问题。

他坦言缺乏拨款是问题迟迟无法解决的关键，但也会持续向财政部争取更多拨款。

他指出，实际上，海口渔村拿到的2万1100公升津贴柴油，已经是全国各区最高，这有赖适耕庄区州议员黄瑞林多年的争取，但大量渔民蜂拥到适耕庄捕鱼，以致渔船数量激增的情况下，还是不足。

## 允极力争取拨款

莫哈末法依说，渔业发展局没有增加拨款的权力，只能极力向财政部争取。"目前我们还在调整全国各区的津贴柴油配额，尽量把各区多出的配额，转移到渔船数量大增的地区，希望渔民给我们多一点时间，我会尽快完成。"

另外，黄瑞林在对话会上感谢莫哈末法依亲自聆听渔民的不满，也承诺会一起向农业部和财政部反映存在多年问题的严重性。

他透露，海口渔村的渔船阻塞问题也日渐严重，现有的船位和码头已无法负荷，常常发生渔船碰撞事故，渔民也划定新码头地点和草拟计划草图，但与各部门讨论后，兴建成本太高是最大难题，希望渔业发展局能研究可行方案。（TSI）

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/10/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 13 |

# Belanjawan 2020: Nafas harap dapat lebih RM800 juta untuk input padi

**PERTUBUHAN** Peladang Kebangsaan (Nafas) berharap kerajaan dapat memberikan peruntukan sekali gus untuk input penanaman padi musim pertama dan kedua berjumlah lebih RM800 juta dalam Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan pada 11 Oktober nanti.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi berkata pihaknya telah pun mengadakan perbincangan mengenai hal itu dengan pegawai di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi diusulkan kepada Kementerian Kewangan.

"Belanjawan untuk tahun ini kita dapat tak sampai RM500 juta (RM420 juta), itu pun untuk baja saja (bagi penanaman padi musim pertama sahaja), kita juga terpaksa minta untuk baja bukit RM44 juta lagi yang diluluskan kerajaan.

"Kalau bagi peruntukan ikut musim akan ada kesulitan di pihak Nafas iaitu kita agak sedikit lewat mendapat pengesahan untuk membekal," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Kasih Peladang Kedah kali ketiga di Institut Pengurusan Paladang (IPP) 7 Oktober baru-baru ini.



*Phahrolrazi Mohd Zawawi*

Sehubungan itu, Phahrolrazi berkata kerajaan diharapkan dapat mempertimbangkan permintaan itu untuk memastikan urusan pembekalan baja kepada pesawah berjalan lancar sekali gus tidak menjejaskan aktiviti penanaman padi.

Pada program itu, seramai 275 penerima asnaf peladang dari 11 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di negeri ini menerima manfaat menerusi sumbangan wang tunai keseluruhan berjumlah RM55,000.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/10/2019 | SUARA KEADILAN | RISALAH | 17 |

# SARA HIDUP NELAYAN NAIK

- Elaun Sara Hidup Nelayan naik RM50 kepada RM 250 sebulan
- RM200 juta Bantuan Musim Tengkujuh pekebun kecil getah
- RM100 juta Insentif Pengeluaran Getah akibat jatuh harga



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 69 |



# Nelayan bersyukur Kerajaan Melaka bina tembok halang ombak

**Alor Gajah:** "Alhamdulillah. Saya tidak sangka kerajaan negeri bertindak sebegini cepat menyediakan peruntukan membina tembok penghalang ombak di pantai, berhampiran rumah saya untuk mengatasi masalah hakisan.

"Baru dua bulan saya menghadapi masalah hakisan yang semakin serius. Kerajaan negeri sudah bertindak membantu saya dan penduduk kampung ini daripada masalah berkenaan," kata Abdul Razak Hassan, 55.

Nelayan di Kampung Hilir Pantai, Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah itu gembira apabila menerima kunjungan Ketua Menteri, Adly Zahari ke kawasan pantai yang terhakis, berhampiran kediamannya di kampung itu.

Abdul Razak yang ditemui di kediaman itu, semalam berkata, dia menyanjung tinggi keprihatinan Adly dan pegawai kerajaan yang sudi meninjau keadaan hakisan yang terlalu hampir dengan rumahnya.

"Alhamdulillah. Saya rasa peruntukan RM1 juta untuk membina tembok itu bukan setakat memadai, malah mampu menjamin kelangsungan kewujudan rumah saya dan pantai ini untuk jangka panjang," katanya.

Dia berkata, hakisan pantai dikesan pada awal Ogos lalu dan semakin merebak hingga hampir mencecah dinding dapur rumahnya, pada hujung September lalu.

Keadaan semakin membimbangkan apabila masalah berkenaan diburukkan lagi dengan fenomena air pasang besar pada pertengahan September lalu hingga menyebabkan air laut hampir memasuki dapur, katanya.

"Tindakan saya membina benteng guni pasir tidak membawa banyak perubahan kerana ia dihanyutkan ombak besar bersama angin kencang," katanya.

Ketika meninjau masalah hakisan itu, Adly diberikan taklimat oleh pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri mengenai cadangan pembinaan tembok penghalang ombak melalui teknik 'batu lapis lindung' yang mampu menahan ombak dan hakisan.



***Adly berbincang dengan pegawai JPS*** *dan agensi kerajaan mengenai hakisan di Kampung Hilir Pantai, Kuala Sungai Baru dekat Alor Gajah, semalam.*
(Foto Hassan Omar /BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 69 |

*Tindakan serta pemantauan ini tidak akan dihentikan walaupun semua projek sudah dijalankan.*

**Izham Hashim,**
*EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Selangor*



# 11 projek atasi hakisan pantai di Selangor siap

**Shah Alam:** Hampir keseluruhan projek mengatasi masalah hakisan pantai di Selangor sudah siap dilaksanakan.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Izham Hashim, berkata daripada 14 projek yang dikenal pasti, 11 sudah siap, manakala tiga projek lagi masih berjalan.

Katanya, semua projek berkenaan termasuk dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang akan tamat pada penghujung tahun hadapan.

"Usaha mengawal hakisan pantai dan mendalamkan muara sungai adalah program berterusan kerajaan negeri serta Persekutuan.

"Tindakan serta pemantauan ini tidak akan dihentikan walaupun semua projek sudah dijalankan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Mengulas lanjut, Izham berkata segala kajian berkenaan hakisan pantai adalah di bawah penguatkuasaan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), manakala pelaksanaannya pula dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor.

Baru-baru ini, *BH* melaporkan hakisan pantai di Semenanjung berterusan biarpun pelbagai usaha membabitkan belanja berbilion ringgit sudah diambil pihak berkuasa untuk membendungnya sejak beberapa tahun lalu.

Faktor semula jadi seperti bentuk muka bumi yang terdedah kepada lautan luas dan tiupan angin monsun menyebabkan ombak besar serta pembangunan tidak mesra alam di kawasan pantai mengakibatkan masalah hakisan pantai terus berlaku.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | HARAKAH | NASIONAL | N8 |




# Bajet 2020 pinggirkan pesawah, penoreh getah dan nelayan

Oleh **AZIZ MUDA**

KETIKA semua pihak menanti dengan penuh harapan untuk melihat sinar di hadapan, Bajet 2020 yang dibentangkan oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) di Dewan Rakyat pada 11 Oktober lalu ternyata terus mengewakan rakyat apabila golongan petani, penoreh getah dan nelayan masih tidak diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh kerajaan.

Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan di bawah kerajaan PH itu langsung tidak mempedulikan keluh-kesah para pesawah yang terbeban dengan kos sara hidup kini.

Di bawah pemerintahan kerajaan sebelum ini, Barisan Nasional (BN), pelbagai inisiatif dan bantuan sara hidup telah diberi kepada pesawah untuk membantu mereka menampung saraan hidup sebelum hasil tuaian.

Selain itu, kerajaaan sebelum ini turut mempunyai hala tuju yang jelas dalam bidang pertanian menerusi dasar-dasar yang diperkenalkan, di samping pelaksanaan pelbagai langkah untuk membantu para pesawah, nelayan dan penoreh getah yang berada dalam kesusahan dari semasa ke semasa.

Setelah PH mengambil alih tampuk pemerintahan negara dan pembentangan bajet pertamanya tahun lalu, bantuan sara hidup sebanyak RM200 sebulan kepada nelayan-nelayan pada musim tengkujuh, kepada pesawah-pesawah sementara mereka menunggu hasil tuaian dan kepada penoreh getah yang telah diberikan oleh kerajaan terdahulu telah dipotong oleh kerajaan PH.

Tindakan itu amat menyeksakan para nelayan, petani dan penoreh getah. Menerusi Bajet 2020 yang dibentangkan itu, rakyat mengharapkan kerajaan PH akan mengembalikan semula bantuan tersebut dengan kadar yang lebih tinggi daripada itu sesuai dengan keadaan semasa.

Namun, rakyat amat kecewa apabila menerusi Bajet 2020 yang dibentangkan itu, kerajaan PH telah memotong peruntukan industri padi dan beras iaitu daripada RM69.2 juta yang dibentangkan dalam Bajet 2019 kepada RM66.1 juta untuk Bajet kali ini.

Manakala peruntukan bekalan makanan juga telah dipotong daripada RM1.393 bilion yang tentunya satu jumlah yang kecil pada Bajet 2019 kepada satu jumlah yang lebih kecil hanya sebanyak RM1.314 bilion sahaja untuk Bajet 2020.

Lebih menyedihkan, dalam Bajet 2020 yang dibentangkan itu, tidak terdengar pun ucapan yang menyenangkan hati para petani atau pesawah mengenai bantuan saraan hidup pesawah seperti yang diminta oleh para pesawah.

Lain-lain insentif padi juga tidak diumumkan. Perkara yang disebut dalam pembentangan Bajet 2020 hanyalah perkara biasa yang berkaitan subsisdi padi yang setara dan subsidi benih, tetapi itupun dalam bentuk yang samar-samar.

**Tiada bantuan khas kepada pesawah**

Dalam pembentangan bajet tersebut, Lim Guan Eng mengumumkan bahawa dalam usaha memperkasakan sektor pertanian negara, RM4.9 billion peruntukan akan disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan Indutsri Asas Tani pada 2020. Peruntukan itu memberi fokus khusus kepada meningkatkan pendapatan bagi pengusaha pertanian.

Menerusi Belanjawan 2020 yang bertemakan 'Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama' itu, Lim berkata, kerajaan turut memperuntukkan RM150 juta sebagai galakan program integrasi tanaman seperti cili, nanas, kelapa, tembikai dan buluh kepada petani, nelayan dan pekebun kecil.

Menurutnya, kerajaan juga berhasrat menjadikan padi pulut sebagai produk perdana Pulau Langkawi bagi meningkatkan pendapatan petani. Bagi menyokong inisiatif itu, kerajaan akan memperuntukkan RM30 juta untuk penghasilan beras pulut di Pulau Langkawi yang dijangka memberi manfaat kepada 1,200 petani.

"Bagi meningkatkan hasil padi, kerajaan akan meningkatkan peruntukan input padi RM855 juta bagi 2020 berbanding RM796 juta pada 2019 di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP)," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan juga akan meneruskan subsidi padi bukit atau padi huma dan akan memperuntukkan RM43 juta ke arah pembangunan Industri Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi.

Dengan itu, pelbagai pihak wajar melahirkan kekecewaan dan kebimbangan akan nasib pesawah memandangkan pembentangan bajet tersebut tiada peruntukan dan bantuan khas kepada pesawah.




Keadaan tersebut menjadikan mereka yang telah terpinggir di bawah kerajaan PH pada tahun lalu akan terus terbeban dengan kenaikan inflasi yang dijangka tahun depan apabila harga petrol akan mengikut harga pasaran dunia.

Kerajaan sekarang dilihat langsung tidak memikirkan jangkaan yang akan berlaku dalam situasi kelembapan ekonomi negara yang akan menjejaskan kos kehidupan rakyat, sehingga tidak menampakkan perancangan dan hala tuju negara untuk menjaga kebajikan rakyat secara keseluruhannya terutama golongan petani.

**Harga getah masih RM2.30 sekilogram**

Belanjawan 2020 adalah belanjawan kali kedua yang dibentangkan oleh kerajaan PH menerusi Lim Guan Eng sejak mengambil alih pemerintah negara pada Mei 2018 lalu, dengan menyaksikan pelbagai janjinya kepada rakyat yang tidak ditunaikan hingga kini.

Dalam bajet tersebut, kerajaan akan menyediakan peruntukan RM200 juta bagi Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) untuk pekebun kecil getah yang layak di bawah Risda dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan RM100 juta untuk Insentif Pengeluaran Getah pada 2020, bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang menghadapi harga getah rendah.



**Sampai bila harga lantai getah mesti RM2.30 sekilogram?**

Namun rakyat turut kecewa apabila tidak terdapat inisiatif daripada kerajaan untuk memperluaskan bantuan itu kepada penoreh getah bagi membolehkan golongan terbabit mengimbangi kehidupan dalam kos sara hidup yang tinggi ketika ini.

Kepada rakyat menerusi pembentangan bajet tersebut, kerajaan setidak-tidaknya mengumumkan harga lantai getah pada kadar RM3 ke atas bagi sekilogram getah untuk membantu penoreh getah menguruskan kewangan mereka dalam jangka masa panjang.

Langkah tersebut amat perlu dilakukan oleh kerajaan berikutan pendapatan golongan penoreh tidak menentu bagi menyara kehidupan harian, dengan dengan pemberian bantuan secara menyeluruh yang tidak hanya tertumpu kepada pekebun-pekebun kecil getah.

Peruntukan RM200 juta merupakan salah satu bantuan bagi membantu penoreh, namun ia bersifat sementara kepada penoreh yang mengalami situasi sukar akibat harga getah rendah. Harga barang terlalu mahal sedangkan harga komoditi getah rendah hanya pada kadar RM2.30 sekilogram sekarang.

Oleh itu, bantuan jangka panjang perlu dilakukan oleh kerajaan bagi membantu para penoreh dengan meningkatkan harga lantai getah kepada kadar yang munasabah. Tambahan pula bukan semua penoreh getah memiliki kebun getah sendiri, tetapi hanya mengambil upah menoreh daripada pemilik kebun getah atau pekebun-pekebun kecil getah.

**Bantuan sara hidup nelayan patut lebih RM250**

Bajet 2020 yang dibentangkan oleh Lim Guan Eng itu memberikan sedikit kegembiraan kepada para nelayan apabila kerajaan akan meningkatkan jumlah Elaun Sara Hidup Nelayan daripada RM200 kepada RM250 sebulan pada musim tengkujuh, menjadikan peruntukan keseluruhan RM152 juta pada 2020.

Walaupun bantuan tersebut telah dikembalikan dalam Bejet 2020 dan dinaikkan sebanyak RM50, tetapi ia tidak bersesuaian dengan keadaan semasa dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Lebih-lebih lagi kerajaan PH sudah menyeksa para nelayan selama setahun akibat penghapusan bantuan tersebut kepada mereka. Sudah sewajarnya kesilapan tersebut digantikan oleh kerajaan dengan pengumuman bantuan dengan jumlah yang sepatutnya bagi meringankan bebanan hidup mereka.

Kerajaan perlu sedar, pemberian bantuan sara hidup yang lebih tingga daripada RM250 sebulan itu amat perlu dilakukan oleh kerajaan kepada nelayan bagi menggembirakan hati kira-kira 40,000 nelayan di seluruh negara, bagi memberikan semangat dan galakan kepada golongan nelayan untuk turun ke laut.

Pemberian bantuan yang lebih tinggi itu akan membuatkan nelayan berasa dihargai, di samping membantu meringankan beban kos sara hidup mereka termasuk kos membeli pukat, tali dan sebagainya untuk mereka turun ke laut.

Bantuan yang lebih tinggi daripada RM250 itu perlu disertakan dengan bantuan yang bukan hanya bersifat *'one off'*, tetapi bantuan berbentuk kekal bagi membantu nelayan meneruskan hidup.

Dengan itu, ia akan meringankan bebanan hidup golongan nelayan yang menanggung beban dengan kos kebanyakan peralatan menangkap ikan yang naik berkali ganda berikutan kejatuhan ringgit Malaysia berbanding dengan negara-negara jiran terutama Thailand, tetapi semua itu tidak dipandang oleh kerajaan PH dalam Bajet 2020 yang dibentangkan itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2019 | MINGGUAN AMANAH | MUKA DEPAN | 1 |

# POLISI TERBAIK UNTUK MELAYU



Kongres Maruah Melayu anjuran empat universiti awam menyusul selepas kira-kira tiga minggu berlalunya Himpunan Penyatuan Ummah yang hanya melibatkan Umno-Pas.

Menampilkan Tun Dr Mahathir dengan amanat yang menyeru orang Melayu bekerja keras dan mengambil segala peluang terbentang, cabaran kepada Pakatan Harapan juga untuk dilihat menjaga kepentingan Melayu.

Tidak terkecuali AMANAH sebagai komponen parti pemerintah turut perlu memikirkan polisi terbaik kepada orang Melayu tanpa mengetepikan kepentingan semua kaum selaras dengan peruntukan Perlembagaan.

*PH termasuk AMANAH melalui kementerian masing-masing menggalas cabaran besar melaksanakan polisi terbaik untuk orang Melayu.*

LAPORAN PENUH MUKA 8 & 9